



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/8 Jld. (25)

TARIKH: 15 JANUARI 2014

PERKARA : EDARAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 4/2013	
DARIPADA : KPP(KT) 2	SALINAN : 1) TKP JTM
KEPADА : SEPERTI DI LAMPIRAN A	

Tuan/Puan ,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 4/2013 untuk rujukan dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'

(AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 4/2013
JABATAN TENAGA MANUSIA**

Tarikh : **28 Oktober 2013**

Masa : **9.00 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat
Jabatan Tenaga Manusia**

Pengerusi : **Tn. Syed Mohamad Noor Bin Syed Mat Ali**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.
- 1.2** Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 4/2013 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan terkini pelajar bagi membolehkan pelajar yang telah tamat pengajian layak menghadiri Majlis Konvokesyen ILJTM pada tahun ini.

Makluman

**2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
BILANGAN 2/2013**

- 2.1** KPP(KT)2 membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 2/2013 seperti di **Lampiran 1**.

Makluman

- 2.2 Mesyuarat memaklumkan keputusan bagi kelulusan penukaran tajuk buku rujukan masih belum diperolehi.

Makluman

- 2.3 Mesyuarat memaklumkan bahawa modul CGPA yang memenuhi keperluan DTK telah dibuat oleh *Programmer* yang dilantik. Walaubagaimanapun masih terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat. Hanya pendaftaran kursus sahaja yang boleh dibuat melalui sistem manakala lain-lain perlu dibuat secara manual.

Makluman

- 2.4 Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak Ibu Pejabat telah membuat penyelarasan Sistem Penilaian bagi Program DTK berdasarkan Sistem OBE dalam TMS. Bengkel yang pertama telah diadakan di ADTEC Shah Alam dan bengkel kedua diadakan di Hotel Armada, Kuala Lumpur.

Makluman

- 2.5 Kursus Projek Rintis SHO telah dijalankan dengan jayanya melibatkan seramai 22 orang peserta. Bengkel ini mendapat maklumbalas yang baik dari peserta kursus. Mesyuarat mencadangkan kursus ini diadakan untuk pelajar semester 3 dan bukannya pelajar semester 5 kerana jadual pelajar yang padat untuk melengkapkan keseluruhan kursus tersebut. Perbincangan mengenai pelaksanaan kursus ini pada masa akan datang akan dibincangkan semula.

Tindakan : P (KT)

- 2.6 Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan dana pinjaman dari PTPK untuk Program *Professional Licencing*. Oleh itu, setiap Institut perlu menghantar maklumat perancangan institut kepada Ibu Pejabat pada akhir November 2013 bagi menyediakan kertas kerja untuk tujuan tersebut.

Tindakan : Semua P (IUTM)

- 2.7 Mesyuarat dimaklumkan nilai kredit bagi ko-kurikulum yang dipinda kepada nilai kredit graduasi telah dimasukkan dalam buku panduan DTK.

Makluman

- 2.8 Mesyuarat dimaklumkan nilai kredit bagi latihan industri yang dikira sebagai kredit graduasi dan diberi gred telah dimasukkan dalam dalam buku panduan DTK.

Makluman

- 2.9 Mensyuarat ambil maklum tentang masalah kekurangan pelajar bagi pengambilan program diploma aliran kemahiran kerana masalah lepasan pelajar bagi peringkat sijil yang tidak mencukupi untuk menampung kapasiti yang disediakan. Untuk itu, mesyuarat bersetuju P (PL) mewujudkan jawatankuasa *Adhoc* bagi membincangkan hal ini.

Tindakan : P (PL)

- 2.10 Mesyuarat bersetuju hanya isu-isu melibatkan polisi sahaja yang akan dibawa oleh Ibu Pejabat untuk berbincang dengan pihak MQA.

Tindakan : P (KT)

3.0 LAPORAN PEGAWAI NAZIRAN 3/2013

- 3.1 KPP(KT)2 membentangkan Laporan Pegawai Naziran seperti di **Lampiran 2**.

4.0 PANDUAN SISTEM PENILAIAN DAN LATIHAN ILJTM (DTK/DTP)

- 4.1 KPP(KT)2 membentangkan Panduan Sistem Penilaian dan Latihan ILJTM (DTK/DTP) **Lampiran 3**.

Makluman

- 4.2 Mesyuarat bersetuju syarat kehadiran pelajar bagi ko-kurikulum dipinda daripada 90% kepada 80% bagi semua program yang dijalankan di ILJTM.

Tindakan : P (KT)

- 4.3 Mesyuarat juga ambil maklum pelajar yang telah disahkan gagal akademik pada peringkat Institut boleh membuat rayuan akademik ke peringkat jabatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Makluman

5.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR KELUARAN 2/2013 DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 5.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar sesi keluaran 1/2013 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 4**.

Makluman

- 5.2 Mesyuarat dimaklumkan berkenaan pindaan Keputusan Akhir Pelajar Sesi keluaran 2/2012 ILP Labuan yang telah disahkan pada MJPP Bil 1/2013 seperti berikut :-

- Jumlah SJP bagi Kursus Tek. Binaan (Bangunan) berkurang daripada 5 pelajar kepada 4 pelajar dengan jumlah calon yang mendaftar SPC 01 ialah 6 pelajar. 1 pelajar berstatus Gagal dan 1 pelajar Berhenti. Jumlah terkini pelajar yang layak dipersijilkan SJP secara keseluruhan ialah 103 pelajar.
- Jumlah ST bagi kursus Teknologi Elektrik berkurang daripada 9 pelajar kepada 7 pelajar dengan jumlah calon yang mendaftar SPC 01 ialah 14 pelajar. 2 pelajar berstatus Gagal dan 5 pelajar Berhenti. Jumlah terkini pelajar yang layak dipersijilkan ST secara keseluruhan ialah 17 pelajar.

Mesyuarat mengesahkan pindaan keputusan pelajar keluaran 2/2012 ILP Labuan.

- 5.3 Pengerusi meminta supaya amaran diberikan kepada ILP Labuan terhadap kesilapan dan kecuaian dalam mengesahkan keputusan pelajar sesi tersebut kerana ianya memberikan persepsi negatif terhadap Jawatankuasa ini supaya ia menjadi pengajaran kepada ILJTM lain amnya.

Tindakan : P (KT)

6.0 Hal-hal Lain

- 6.1 Mesyuarat bersetuju tempoh latihan bagi kemasukan pelajar baru bagi program Diploma aliran kemahiran samada di ADTEC atau ILP diselaraskan kepada 1 tahun 6 bulan bermula kemasukan Julai 2014.

Tindakan : Semua P(ILJTM)

- 6.2 Mesyuarat mencadangkan silibus Kursus Diploma Elektrik yang dijalankan di ILP Kepala Batas dibuat pemetaan seperti Silibus yang dijalankan di ADTEC Shah Alam.

Tindakan : P (KT)

- 6.3 P (ILP Kota Bharu) memaklumkan berkenaan ketidakseragaman jumlah kredit bagi kursus Diploma Teknologi Binaan diantara ILP Kota Bharu dan ILP Kuala Terengganu. Mesyuarat bersetuju supaya mematuhi unit kredit mengikut keputusan MJPP iaitu 72 kredit.

Tindakan : P (ILP KOTA BHARU), P (ILP KUALA TERENGGANU)

- 6.4 Mesyuarat bersetuju supaya Borang Maklumat Persijilan (BK-T14-01) dibuat penambahbaikan dengan memasukkan ruangan kemasukan bagi pelajar tangguh.

Tindakan : P (KT)

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

SENARAI KEHADIRAN

1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI
PENGERUSI MESYUARAT
2. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI
P (KT)
3. PN. FAIZAH BINTI HARUN
P (PP)
4. EN. ROSLI BIN SARMAN
PP (PL)
5. EN. NASIRRUDIN BIN SAID ALANG GHAFAR
KPP (KT)
6. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI
PENGARAH JMTI
7. EN. MOHD ZABIDIN BIN ABD. SAMAD
PENGARAH ADTEC MELAKA
8. EN. KAMARUZAMAN BIN MD ALI
PENGARAH ADTEC KULIM
9. EN. ABDUL HALIM BIN ABD. RAHMAN
PENGARAH ADTEC KEMAMAN
10. EN. IR. HALIM AZHAR BIN HJ. MOHD YATIM
PENGARAH ADTEC TAIPING
11. TN. HJ MOHD MANOJ BIN JUMIDALI
PENGARAH ILP KUALA LUMPUR
12. EN. ZAINUDDIN BIN AHMAD
PENGARAH ILP KOTA BHARU
13. EN. SUAIBUNAHA BIN JUSOH
PENGARAH ILP KUANTAN
14. EN. SUKIMI BIN MAT SALLEH
PENGARAH ILP KEPALA BATAS
15. PN. NORHUDA BINTI SALIM
TIMBALAN PENGARAH ADTEC SHAH ALAM
16. EN. ZAID BIN ZAHARI
TIMBALAN PENGARAH ADTEC JERANTUT

17. PN. NORLELA BINTI MUSTAFFA
TIMBALAN PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU
18. PN. NOR AZIMAH BINTI ABU ZARIM
WAKIL ADTEC BATU PAHAT

URUS SETIA

1. PN. AZLINA BT MOHAMAD SHAFIE
KPP (KT)2
2. PN. NOR AZIZI BT ABDULLAH
PPP (KT)
3. PN. NORALIZA BT MUHAMAD
PPP (KT)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. TN. HJ. NORMAN BIN KUSIN
P (PK)
2. PN. SUZANA BINTI MOHD ZOHDI
P (PL)
3. EN. ZURAKA BIN YUSOF
PENGARAH ADTEC SHAH ALAM
4. DR. RAMLI BIN HJ RASHIDI
PENGARAH ADTEC BINTULU
5. EN. HASHIMI BIN ABD. HADI
PENGARAH ADTEC JERANTUT
6. TN. HJ. WAHID BIN EMBONG
PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU

Disediakan oleh:
Bahagian Kawalan Teknikal
Jabatan Tenaga Manusia

**CATATAN MINIT MESUARAT
MESUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
BILANGAN 2/2013**

BIL	MINIT MESUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
2.2	KPP(KT)2 memaklumkan bahawa iklan sebutharga untuk buku rujukan telah dibuat tetapi tiada bidaan diterima. Mesyuarat bersetuju untuk <u>mengagihkan peruntukan kepada 10 institut yang terlibat dengan MQA kecuali JMTI untuk menguruskan sendiri pembelian buku rujukan.</u>	P (PK)	Kelulusan penukaran tajuk buku rujukan masih belum diperolehi
2.4	KPP(KT)2 memaklumkan ADTEC Melaka dan ADTEC Kulim telah membangunkan SPC 02 secara manual yang memenuhi keperluan penilaian bagi program DTK. Mesyuarat telah <u>bersetuju untuk membenarkan penggunaan SPC 02 secara manual ini sementara menunggu modul CGPA bagi program DTK selesai dibangunkan di dalam TMS.</u>	Makluman	Sistem TMS yang memenuhi keperluan DTK telah dibuat oleh <i>Programmer</i> yang dilantik.
2.5	<u>Mesyuarat juga bersetuju bahawa Ibu Pejabat akan menyelaras sistem penilaian bagi program DTK dan menyediakan input bagi Business Analysis untuk membangunkan modul CGPA DTK bersama dengan kontraktor pembangunan TMS.</u>	P (KT)	Bengkel yang pertama telah diadakan di ADTEC Shah Alam dan bengkel kedua diadakan di Hotel Armada, Kuala Lumpur.
4.2	<u>Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan tarikh cadangan Projek Rintis SHO iaitu pad 2 September 2013 dengan penglibatan 5 orang pelajar dari 4 ADTEC dan JMTI (5 pelajar/Institut) serta seorang pelajar bagi ILP Kota Bharu dan ILP Kuala Terengganu.</u>	P (KT)	Kursus Projek Rintis SHO telah dijalankan dengan jayanya yang melibatkan seramai 22 peserta.

4.4	Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan <u>dana pinjaman dari PTPK untuk Program Professional Licencing</u> . Untuk itu, Pengerusi meminta setiap institut untuk <u>menghantar maklumat perancangan institut kepada Ibu Pejabat bagi menyediakan kertas kerja untuk tujuan berkenaan.</u>	<u>Semua P (ILJTM)</u>	Masih dalam tindakan Institut
5.3	Mesyuarat bersetuju agar <u>nilai kredit bagi Ko-Kurikulum dipinda daripada nilai kredit CGPA kepada nilai kredit graduasi sahaja</u> .	<u>P (KT)</u>	Telah dimasukkan dalam buku panduan DTK
5.4	Mesyuarat bersetuju <u>nilai kredit bagi latihan industri untuk semua ILJTM dinilai sebagai kredit graduasi sahaja</u> . Walaubagaimanapun, keputusan latihan Industri akan dinilai dengan gred dan bukan hanya lulus atau gagal sahaja.	<u>P (KT)</u>	Telah dimasukkan dalam buku panduan DTK
6.1	KPP(KT)2 memaklumkan terdapat ADTEC yang menolak untuk melaksanakan Program DKM kerana kesukaran melaksanakan Program Dua Aliran. KPP(KT)2 mencadangkan agar <u>pelaksanaan aliran kemahiran di ADTEC diagihkan di antara semua ADTEC mengikut kursus</u> . Pengerusi bersetuju dan memaklumkan bahawa <u>aliran kemahiran di ADTEC masih perlu dilaksanakan sehingga ILP bersedia untuk melaksanakan program DKM</u> .	<u>P (PL)</u>	Masih dalam tindakan P (PL)
6.2	P(ADTEC Taiping) memaklumkan terdapat beberapa isu pengambilan pelajar yang dirujuk kepada pihak MQA dan masih di dalam pertimbangan MQA. Mesyuarat bersetuju agar Ibu Pejabat <u>mengumpulkan semua isu-isu berkaitan DTK dan mengadakan lawatan ke MQA bagi pencerahan berkenaan isu-isu tersebut</u> .	<u>P (KT)</u>	Belum Selesai

**MESYUARAT JAWATANKUASA
PEPERIKSAAN & PERSIJILAN
BIL 4/2013**

**BILIK MESYUARAT JTM
28 OKTOBER 2013**

**LAPORAN VERIFIKASI
PEGAWAI NAZIAN**

BIL 4/2013

SOKONGAN DALAM PEMBELAJARAN

Pengajar

- Kebanyakkan pengajar telah menghadiri kursus pedagogi

Mesin/Peralatan

- Peralatan latihan dan mesin berada dalam keadaan baik
- Menggunakan silibus dan WIM yang telah disahkan

Kaedah Pengajaran

- Menggunakan kaedah pengajaran dengan baik
- Sistem penilaian masih menggunakan SPC dan beberapa institut menggunakan SMP

SOKONGAN DALAM PEMBELAJARAN

Persekutaran Latihan

- Kemas dan teratur.
- Pelaksanaan 5S memberi impak yang baik kepada institut

Kawalan ke atas pelajar

- Memuaskan

Pusat Sumber

- Digunakan oleh pelajar sepenuhnya

KESIMPULAN

**Proses
pengajaran telah
dilaksanakan
dengan baik**



PANDUAN SISTEM PENILAIAN DAN LATIHAN ILJTM (DTK/DTP)

KONSEP LATIHAN

Kurikulum ILJTM

- NOSS sebagai asas kurikulum
- Pelaksanaan latihan – Konsep Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE)

TAKWIM LATIHAN

Tahun Akademik

- 2 semester lazim – 16 minggu sesi latihan

Sesi Latihan	8 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 Minggu
Sesi Latihan	8 Minggu
Minggu Ulangkaji	2 Minggu
Peperiksaan Akhir	2 Minggu
Jumlah	21 Minggu
Cuti Semester	5 Minggu

TEMPOH PENGAJIAN

- 6 Semester
- 4 semester tambahan
- Pelajar dikenakan yuran pada semester tambahan mengikut unit kredit

STUKTUR PROGRAM

1. Bahasa Pengantar
 - Bahasa Malaysia
2. Struktur Latihan
 - a) Modul Wajib
 - Keperluan Nasional
 - Keperluan PPT/Institut
 - Pembangunan Peribadi
 - b) Modul teras
 - Teras Umum
 - Teras Disiplin
 - Projek Tahun Akhir
 - c) Latihan Industri
 - d) Modul Elektif

STUKTUR PROGRAM - sambungan

3. Ko-kurikulum

- Hadir Wajib
- Syarat kehadiran minima 80%
- Wajib lulus sebagai syarat bergraduasi
- Syarat kredit bergraduasi dan tidak dikira dalam pengiraan CGPA

STUKTUR PROGRAM - sambungan

4. Projek Tahun Akhir (PTA)

- a) Secara individu atau kumpulan
- b) 6 unit kredit (2 semester)
 - Penilaian
 - Cadangan Projek
 - Laporan Projek
 - Persembahan
 - Komitmen Keseluruhan
 - Kefungsian Projek
- c) Pelajar gagal perlu melaksanakan semula sehingga tamat semester tambahan
- d) Pelajar diberi status TANGGUH sepanjang tempoh pelaksanaan semula projek

STUKTUR PROGRAM - sambungan

5. Latihan Industri (LI)

- Tempoh Latihan 6 bulan
- Nilai kredit merujuk pekeliling semasa
- Dilaksanakan pada semester akhir
- Pemarkahan
 - Kehadiran
 - Buku Log
 - Laporan penyelia
 - Laporan Penilai
 - Laporan Eksekutif
- Syarat menjalani LI
 - CGPA 2.0 ke atas
 - Lulus semua modul teras
 - Mendapat kelulusan institut
- Syarat kredit bergraduasi dan tidak dikira CGPA
- Dilaksanakan sekali dan tidak dibenar mengulang

PENDAFTARAN

1. Daftar Program

- Mendaftar pada tarikh ditetapkan
- Tawaran terbatal sekiranya tidak mendaftar
- Penukaran program tidak dibenarkan

2. Daftar Kursus

- Dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh lapor diri
- Nilai kredit minimum 12
- Nilai kredit maksimum 21 kredit
- Gugur kursus sehingga minggu ke 9

SKEMA KREDIT

1 kredit = 40 jam pembelajaran pelajar (SLC)

- jumlah jam bersemuka (teori dan amali)
- jumlah jam pembelajaran kendiri
- jumlah jam penilaian

Kredit kursus ulangan

- dikira dalam PNGK dan kredit kira serta mata nilai terdahulu dikekalkan

Status UK (Ulang Kursus) dipaparkan pada slip peperiksaan

SISTEM GRED

MARKAH	GRED	MATA NILAIAN	STATUS
90 - 100	A	4.00	LULUS
80 - 89	A-	3.67	
70 - 79	B+	3.33	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	GAGAL
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
0 - 34	E	0.00	

$$\text{Purata Nilai Gred (PNG)} = \frac{\sum \text{mata nilai} \times \sum \text{unit kredit}}{\sum \text{unit kredit keseluruhan}}$$

$$\text{Himpunan Purata Nilai Gred (PNGK)} = \frac{\sum \text{mata nilai} \times \sum \text{unit kredit terkumpul}}{\sum \text{unit kredit keseluruhan}}$$

PENILAIAN

Kategori	Kerja Kursus	Peperiksaan Akhir
Kursus yang melibatkan peperiksaan akhir	60%	40%
Kursus tiada peperiksaan akhir	100%	0%
Pengagihan pemberat teori dan amali adalah bergantung kepada kesesuaian kursus		

PENILAIAN -sambungan

Kehadiran

- < 80% tidak dibenarkan menghadiri kuliah dan menduduki penilaian selanjutnya.
- markah SIFAR (0) akan diberikan

Kerja Kursus

- Kaeadah penilai merangkumi tugas, kuiz, ujian, persembahan, laporan projek dan lain-lain
- Markah kerja kursus dan % kehadiran akan dipaparkan sebelum minggu peperiksaan

PENILAIAN -sambungan

Peperiksaan Akhir

- dijalankan pada akhir semester
- kehadiran 80% - sebagai syarat
- pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir dengan kebenaran boleh menduduki Peperiksaan Khas

Peperiksaan Khas

- Pelajar yang disahkan sakit
- Kematian keluarga terdekat
- Perlu beri penjagaan rapi keluarga terdekat
- sebab lain yang dibenarkan
- pelajar perlu membuat permohonan

PENILAIAN -sambungan

Rayuan Gred Kursus

- rayuan semakan skrip jawapan peperiksaan akhir dalam tempoh 7 hari selepas keputusan di umumkan
- Bayaran RM 50 – setiap satu kertas peperiksaan
- rayuan semakan sekali sahaja
- terhad kepada peperiksaan teori sahaja
- Keputusan rayuan yang diluluskan oleh MJKPP institut muktamad.

PENILAIAN -sambungan

Rayuan Gred Kursus

- rayuan semakan skrip jawapan peperiksaan akhir dalam tempoh 7 hari selepas keputusan di umumkan
- Bayaran RM 50 – setiap satu kertas peperiksaan
- rayuan semakan sekali sahaja
- terhad kepada peperiksaan teori sahaja
- Keputusan rayuan yang diluluskan oleh MJKPP institut muktamad.

KEDUDUKAN AKADEMIK

BIL	STATUS	KRITERIA	IMPLIKASI
1	LULUS	$\text{PNG}/\text{PNGK} \geq 2.0$	<ul style="list-style-type: none">▪ Layak untuk menyambung pengajian ke semester berikutnya
2	DALAM PERHATIAN	<ul style="list-style-type: none">-PNGK antara 1.67 hingga 1.99 pada mana-mana semester kecuali semester akhir- PNG kurang daripada 1.67 dan PNGK 2.0 ke atas.- PNG/PNGK antara 1.01 hingga 1.99	<ul style="list-style-type: none">▪ Layak untuk menyambung pengajian ke semester berikutnya▪ Perlu mengulang modul yang gagal▪ Disingkirkan sekiranya mendapat status dalam perhatian sebanyak 3 kali
3	GAGAL	<ul style="list-style-type: none">- PNG/PNGK kurang daripada 1.00 pada semester 1.- PNGK kurang daripada 1.67 pada mana-mana semester kecuali semester 1.- Mendapat status dalam pemerhatian sebanyak 3 kali.	<ul style="list-style-type: none">▪ Diberhentikan pengajian

STATUS PENILAIAN MODUL

1	L	LULUS	Markah modul melebihi 50% dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
2	G	GAGAL	Markah modul kurang daripada 50% dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
3	TL	TIDAK LENGKAP	Status bersyarat / sementara untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menyiapkan kerja kursus atau peperiksaan akhir dlm tempoh 2 minggu slps semester berakhir. Selepas tempoh tersebut keputusan perlu ditukar kepada gred A hingga E.
4	DK	DIKECUALIKAN	Status yang diberikan kepada pelajar yang dikecualikan dari mengambil modul/subjek tertentu
6	BH	BERHENTI /DIBERHENTIKAN	Status yang diberikan kepada pelajar yang telah berhenti atau diberhentikan daripada institut.
7	TU	TIDAK ULANG	Status yang diberikan kepada pelajar yang tidak mengulang modul/subjek tertentu
8	TG	TANGGUH	Status yang diberikan adalah disebabkan akademik dan masalah peribadi yang dibenarkan. Tempoh tangguh adalah selama 1 hingga 2 semester sahaja.
9	GT	GANTUNG	Status yang diberikan kepada pelajar yang telah digantung latihan sepanjang semester berkenaan.

KEDUDUKAN AKADEMIK - sambungan

Rayuan Keputusan Akademik

- pelajar gagal dengan keputusan akademik boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan akademik Jabatan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh keputusan diumumkan.

PENGANUGERAHAN DIPLOMA

Syarat Penganugerahan

- Lulus semua kursus yang telah ditetapkan.
- Memperolehi sekurang-kurangnya PNGK 2.00.
- Lulus Latihan Industri (LI)
- Disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Jabatan Tenaga Manusia.
- Memenuhi lain-lain syarat yang ditetapkan.

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN PELAJAR BAGI SESI KELUARAN 1/2013 (MJPP BIL 4/2013)

BIL	ILJTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM AKHIR	JUMLAH LULUS MENGIKUT JENIS PERSIJILAN						
		A	B	(B/(A-H))*100	C	(C/(A-H))*100	D	(D/(A-I))*100	H	I	J	DLTK	DTK	DLT	DT	SJP	ST	DPV
1	ADTEC SHAH ALAM (DT)	173	120	95.24	6	4.76	41	24.6	47	6	167				120			
	ADTEC SHAH ALAM (ST)	3	3	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	3					3		
2	ADTEC BATU PAHAT (DT)	94	71	100.00	0	0.00	12	14.5	23	11	83				71			
3	ADTEC KULIM (DT)	108	86	100.00	0	0.00	16	15.7	22	6	102				86			
4	ADTEC MELAKA (DT)	157	108	97.30	3	2.70	42	27.5	46	4	153				108			
	ADTEC MELAKA (DLT)	1	0	#DIV/0!	0	#DIV/0!	1	100.0	1	0	1				0			
5	ILP KUALA LUMPUR (DT)	20	16	100.00	0	0.00	1	5.9	4	3	17				16			
6	ILP KOTA BHARU (DT)	14	13	100.00	0	0.00	0	0.0	1	1	13				13			
7	ILP KUALA TERENGGANU (DT)	16	9	100.00	0	0.00	6	40.0	7	1	15				9			
8	ILP KUANTAN (ST)	6	5	100.00	0	0.00	0	0.0	1	1	5					5		
9	ILP KEPALA BATAS (DT)	18	17	94.44	1	5.56	0	0.0	0	0	18				17			
10	ILP KOTA KINABALU (ST)	1	1	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	1					1		
JUMLAH		611	449		10		119		152	33	578	0	0	0	440	0	9	0